



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 52
No. 12

17hb Jun 2008

*TAMBAHAN No. 62
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 200.

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN)
(PINDAAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2008**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2007.

Pindaan Jadual H

2. Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [*P.U. (A) 58/1989*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam Jadual H—

(a) dalam Jadual Pertama—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "No. Rujukan Pelan Bangunan yang diluluskan:" dengan perkataan "No. Rujukan Susun Atur yang diluluskan:"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 6 butiran yang berikut:

“*7. Pelan Bangunan.....Dikepilkkan”;

(b) dalam Jadual Kedua, dengan memotong perkataan “(Salinan pelan-pelan Bangunan yang diluluskan dikepilkkan)”, “No. Rujukan Pelan Bangunan yang diluluskan:” dan “Nama Pihak Berkuasa Yang Berkenaan:” yang terdapat sebelum perkataan “KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN BERSAMA”; dan

(c) dalam Jadual Ketiga—

(i) dalam subbutiran 2(b), dengan menggantikan perkataan “Bangunan” dengan perkataan “Petak”; dan

(ii) dalam butiran 4, dengan menggantikan perkataan “Bangunan” yang terdapat sebelum perkataan “tersebut sebagaimana dalam butiran 3” dengan perkataan “Petak”.

Pindaan Jadual J

3. Jadual J Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam Jadual Pertama—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “No. Rujukan Pelan Bangunan yang diluluskan:” dengan perkataan “No. Rujukan Susun Atur yang diluluskan:”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 6 butiran yang berikut:

“*7. Pelan Bangunan.....Dikepilkkan”;

(b) dalam Jadual Kedua, dengan memotong perkataan “(Salinan Pelan Bangunan yang diluluskan dikepilkkan)”, “No. Rujukan Pelan Bangunan yang diluluskan:” dan “Nama Pihak Berkuasa Yang Berkenaan:” yang terdapat sebelum perkataan “KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN BERSAMA”; dan

(c) dalam Jadual Ketiga, dengan menggantikan perkataan “(Fasal 4)” yang terdapat sebelum perkataan “JADUAL PEMBAYARAN HARGA BELI” dengan perkataan “(Subfasal 4(1))”.

Dibuat 10 Jun 2008

[KPKT/PUU/(S)/8/01; PN(PU²)31/XIII]

DATO' SERI ONG KA CHUAN

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA